

## Wanita berusia 52 tahun terima harta curi didenda RM10,000

**SIBU:** Seorang wanita berusia 52 tahun didenda RM10,000 atau penjara sebulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas disabitkan bersalah atas pertuduhan menerima harta curi secara tidak jujur apabila wang berjumlah RM1,500 yang mempunyai kaitan dengan penipuan pinjaman dalam talian dikesan masuk ke dalam akaun bank miliknya.

Majistret Romario Jono menjatuhkan hukuman tersebut ke atas Corina Hamdan dari Kuching yang mengaku

bersalah atas pertuduhan tersebut yang dibacakan mengikut Seksyen 424C(1) Kanun Keseksan.

Pada 1 April 2026, mangsa telah menemui satu iklan pinjaman di Facebook sebelum dihubungi melalui WhatsApp oleh seorang individu yang mendakwa mewakili sebuah bank.

Mangsa dimaklumkan bahawa dia layak menerima pinjaman sebanyak RM20,000, namun perlu membuat beberapa bayaran pendahuluan, termasuk caj bagi tujuan

pelepasan cukai kerajaan dan penilaian skor kredit.

Mangsakemudian memindahkan wang sebanyak RM320 ke satu akaun bank dan RM1,500 ke akaun bank lain seperti yang diarahkan.

Tertuduh gagal memberikan penjelasan yang memuaskan mengenai bagaimana wang tersebut boleh berada dalam milikan atau akaun banknya.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Nurulisa Natasha Nazrulzam.